

Malaysia Sediakan Bakat Taraf Dunia Untuk Kewangan Islam, Kata Zeti Bernama
15 Oktober, 2011
Oleh Samantha Tan Chiew Ting

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia, menerusi Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF), menyediakan bakat bertaraf dunia untuk kewangan Islam yang pesat berkembang, kata pengerusi dan kaunselor, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

"INCEIF ditubuhkan untuk membekalkan bakat kepada industri kewangan bukan hanya untuk Malaysia tetapi untuk pembangunan global kewangan Islam," kata Zeti, yang juga merupakan gabenor Bank Negara Malaysia (BNM).

Bercakap kepada Bernama selepas konvokesyen ketiga INCEIF hari ini, Zeti berkata, Malaysia, pusat pembelajaran untuk kewangan Islam, juga telah bekerjasama dengan universiti-universiti lain seluruh dunia.

"Kita bekerjasama dengan universiti seluruh dunia bukan sahaja dalam negara-negara Islam tetapi juga di banyak negara maju yang lain.

"Ini ialah kerjasama kolektif untuk melahirkan bakat bertaraf dunia," kata beliau.

Zeti berkata beliau begitu berbangga yang 176 graduan INCEIF hari ini ialah dari 176 negara dan ini seterusnya mencerminkan lagi peranan Malaysia dalam menyokong pembangunan kewangan Islam dengan perkembangan bakat bertaraf dunia.

Daripada sejumlah 176 graduan itu, tiga ialah pemegang Doktor Falsafah (PhD) dalam kewangan Islam, 14 sarjana kewangan Islam dan 159 lepasan graduan sebagai Profesional Kewangan Islam Berkanun (CIFP).

Konvokesyen ketiga INCEIF menyaksikan kumpulan pertama PhD dalam kewangan Islam serta sejumlah besar graduan dalam Kewangan Islam dan CIFP hari ini.

Antara graduan ialah pelajar dari negara minoriti Islam termasuk Kanada, Perancis, China, UK dan Jerman, sementara yang lain-lainnya dari negara jiran Indonesia, Singapura, Thailand serta dari negara Teluk dan Afrika.

INCEIF ditubuhkan pada 2005 oleh BNM dengan dana pembiayaan RM600 juta.

Ia adalah antara inisiatif yang diambil oleh Malaysia untuk memaju dan membangunkan bakat dan pakar di bawah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia.

Setakat 15 Sept tahun ini, INCEIF mempunyai 1,930 pelajar CIFP dengan 1,555 pelajar dalam talian dari lebih 70 negara sementara 107 pelajar Sarjana dalam program kewangan Islam dan 160 PhD dalam program kewangan Islam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620070>